

19 MAY 2001

Mahathir-Pertanian

PELBAGAIKAN TANAMAN UNTUK ELAK KESAN KEJATUHAN HARGA

JOHOR BAHRU, 19 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa pengusaha kelapa sawit di negara ini supaya tidak terlalu bergantung kepada komoditi itu tetapi berusaha mempelbagaikan tanaman dan ternakan lain selaras dengan dasar pertanian negara.

Perdana Menteri berkata usaha mempelbagaikan tanaman dan ternakan pertanian dapat mengurangkan kesan kemelesetan dan kegawatan akibat kejatuhan harga sesuatu komoditi di pasaran.

Beliau berkata ketika harga kelapa sawit meningkat dengan mendadak di pasaran dunia 15 tahun dahulu ramai pengusaha tempatan bertindak menebang pokok getah mereka bagi menanam kelapa sawit.

"Tindakan itu menyebabkan eksport minyak kelapa sawit negara ketika itu meningkat lebih lima kali ganda daripada dua juta tan metrik kepada 11 juta tan metrik," katanya ketika berucap pada jamuan tengah hari bersama lebih 2,000 pegawai dan kakitangan kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan dan pertubuhan politik di kediaman rasmi Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman di sini, hari ini.

Antara yang hadir ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaacob dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.

Dr Mahathir berkata antara bidang yang boleh dimaju dan dipopularkan ialah penanaman buah-buahan, sayur-sayuran serta tanaman herba yang dapat memulihkan penyakit tertentu selain mengusahakan ternakan itik dan ayam belanda bagi menggantikan ternakan ayam dan lembu.

"Dengan ini, kita juga dapat membantu industri makanan kita serta dapat mengeluarkan banyak lagi jenis ternakan bagi pasaran eksport dan kita juga tidak terlalu sangat bergantung kepada kelapa sawit," katanya.

Selain itu, beliau berkata bidang ternakan ikan air tawar dan industri kraf tangan boleh dimajukan lagi oleh mereka yang mempunyai kemahiran dengan memaksimumkan sumber-sumber semulajadi.

Dr Mahathir berkata Johor sebagai negeri yang banyak mengeluarkan kelapa sawit boleh menggunakan pendekatan itu memandangkan harga komoditi itu sememangnya sentiasa tidak menentu di pasaran dunia.

"Pada suatu ketika harga kelapa sawit mencapai RM2,400 bagi setiap tan metrik ketika negara menghadapi masalah kemelesetan ekonomi tetapi apabila ekonomi negara tidak meleset (kini) harga komoditi itu pula menurun," katanya.

Dr Mahathir juga menasihatkan rakyat supaya bijak merancang kewangan mereka dengan melabur dalam saham-saham amanah atau menyimpan wang mereka di bank ketika waktu mewah.

"Lebih baik kita belajar bagaimana mengurus kewangan rumah tangga kita supaya apabila kita terdedah atau diserang kegawatan kita tidak menghadapi banyak masalah," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, mengadakan pertemuan dengan pemimpin Badan Perhubungan Umno Negeri di pejabat Umno negeri di Jalan Yahya Awal di sini.

Perjumpaan tertutup selama hampir dua jam itu dihadiri oleh semua ketua Umno bahagian, Pergerakan Pemuda dan Wanita negeri.

Selepas lawatan dua hari ke Johor, Dr Mahathir berlepas untuk mengadakan lawatan ke Sabah.

-- BERNAMA  
RAM MNY AKD